



Rujukan : UKM.RKK.100-1/3/1

Tarikh : 19 Mac 2021

**PEKELILING PUSAT PENGURUSAN RISIKO,  
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (ROSH-UKM) BIL.1/2021**

**SEMUA WARGA  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**COVID-19: PENAMBAHAN KETETAPAN BAGI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN  
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Seiring dengan keputusan pihak Kerajaan yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Kelantan dan Pulau Pinang mulai **19 Mac 2021** hingga **31 Mac 2021**, pihak Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit telah bersetuju bahawa Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.7/2021 bertarikh 4 Mac 2021 adalah masih terpakai bersama penambahan beberapa ketetapan seperti berikut:

- i. Semua perkhidmatan di UKM masih beroperasi dengan kehadiran 30% (maksimum) bagi staf yang ditentukan oleh Ketua Jabatan masing-masing kecuali bagi PTj yang dikategorikan sebagai Perkhidmatan Keperluan Utama (essential services) seperti Bahagian Keselamatan, Prasarana-UKM dan perkhidmatan klinikal di PKU, HCTM, HPKK dan Fakulti Pergigian di mana kadar kehadiran ditentukan oleh PTj berdasarkan keperluan perkhidmatan.
- ii. Sistem penggiliran dan Bekerja Dari Rumah (BDR) masih diteruskan mengikut keperluan dengan mengambil kira kebajikan staf. Garis Panduan BDR yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftar sebelum ini masih terpakai dan boleh dirujuk melalui pautan: <https://www.ukm.my/pendaftar>;
- iii. Aktiviti seperti mesyuarat, bengkel dan seminar bersemuka adalah **dibenarkan** dengan had kehadiran 50% kapasiti ruang/ premis dengan mematuhi aspek penjarakan fizikal dan SOP yang ketat. Walau bagaimanapun, majlis mesyuarat digalakkan dilaksanakan secara maya melalui sidang video ataupun secara hibrid.
- iv. Semua penganjuran majlis/ bengkel/ seminar/ persidangan/ aktiviti secara fizikal oleh PTj perlulah mendapat kelulusan Ketua PTj masing masing. Permohonan perlu disertakan dengan prosedur operasi standard (SOP) lengkap bagi mengekang penularan jangkitan



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/ 3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: [rosh@ukm.edu.my](mailto:rosh@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/rosh](http://www.ukm.my/rosh)

COVID-19 semasa majlis/ program tersebut berlangsung. Ketua PTj bertanggungjawab bagi melakukan semakan terhadap setiap SOP yang disediakan sebelum kelulusan diberi.

- v. Sekiranya terdapat sebarang masalah/ kekeliruan dalam menilai SOP berkenaan, Ketua PTj boleh memajukan SOP berkenaan kepada pihak JKTK untuk semakan selanjutnya.
- vi. Ketua PTj bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan kepada SOP yang telah diluluskan semasa program berlangsung.
- vii. Walau bagaimanapun, kelulusan pengajuran majlis oleh Ketua PTj adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.
- viii. Perancangan aktiviti beserta SOP yang telah diluluskan hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi JKTK melalui emel kepada [pghrosh@ukm.edu.my](mailto:pghrosh@ukm.edu.my) untuk tujuan dokumentasi dan pemantauan.


3. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Pihak pengurusan Universiti merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada warga UKM kerana terus komited dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan UKM dan rakyat negara ini terpelihara. Setiap warga dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Sekian, terima kasih.

*"Pembudayaan Pengurusan Risiko dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Era Norma Baharu"*

Yang benar



**PROF. TS. DR. KADIR ARIFIN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan,**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: [rosh@ukm.edu.my](mailto:rosh@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/rosh](http://www.ukm.my/rosh)

- Pendaftar
- Bendahari
- Ketua Pustakawan
- Penasihat Undang-Undang
- Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti



MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

**Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerja,**  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 3909/3255 Faks: +603-8921 4077 E-mel: rosh@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/rosh